Pendakwa Raya lwn Raja Noor Asma bt Raja Harun

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42(0)–58 TAHUN 2011
KAMARDIN HASHIM H
9 JANUARI 2013

Undang-Undang Jenayah — Pengubahan wang haram — Penglibatan dalam — Notis pihak ketiga yang suci hati serta berkepentingan terhadap harta-harta yang disita — Prosedur membuktikan pihak menuntut merupakan pihak ketiga yang suci hati — Budi bicara mahkamah untuk menentukan prosedur — Sama ada hakim bicara khilaf dari segi undang-undang dan fakta dalam memutuskan bahawa responden-responden pihak ketiga adalah penuntut pihak ketiga yang suci hati — Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ss 4(1)(a), 55 & 61

Di mahkamah sesyen, responden telah dituduh dengan 50 pertuduhan bagi kesalahan di bawah s 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLATFA'). Notis pihak ketiga telah *diwartakan* di bawah ss 55 dan 61 AMLATFA untuk memberitahu mana-mana pihak ketiga yang suci hati yang berkepentingan untuk hadir ke mahkamah bagi menunjukkan sebab-sebab mengapa harta-harta bernilai melebihi RM8 juta yang disita, tidak boleh dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia. Seramai 700 orang pihak ketiga yang merupakan para pelabur dalam Syarikat Fx Capital milik responden telah hadir ke mahkamah sesyen untuk menuntut harta-harta yang telah *diwartakan*. Pihak-pihak telah bersetuju bahawa seramai lapan orang pelabur akan memberikan keterangan mewakili 700 orang pelabur tersebut. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah memutuskan bahawa para pelabur merupakan penuntut pihak ketiga yang suci hati dan telah memerintahkan kesemua harta dipulangkan kepada mereka. Tidak berpuas hati dengan keputusan HMS, pihak pendakwaan memfailkan rayuan ini. Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa s 61 AMLATFA tidak memperuntukkan bagaimana sesuatu prosedur untuk membuktikan pihak menuntut merupakan pihak ketiga yang suci hati dan dengan itu, mahkamah mempunyai kuasa budi bicara untuk menentukan prosedurnya sendiri. Tambahan lagi, s 61 tidak memperuntukkan sebarang halangan atau bersalahan di sisi undang-undang terhadap mana-mana prosedur yang boleh diterima pakai oleh mahkamah dalam memutuskan tuntutan oleh pihak ketiga yang suci hati terhadap harta-harta yang telah diwartakan tersebut. Pihak pendakwaan seterusnya menghujahkan bahawa HMS terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta dalam memutuskan bahawa responden-responden pihak ketiga adalah penuntut pihak ketiga yang suci hati dalam permohonan mereka dan berhak untuk mendapatkan semula wang-wang yang telah mereka

depositkan sedangkan tiada keterangan dikemukakan untuk menyokong keputusan tersebut. Para pelabur dikatakan gagal untuk membuktikan kesemua perkara yang diperuntukkan di bawah perenggan (a) hingga (e) kepada s 61(4) AMLATFA sedangkan telah terbukti bahawa kesemua wang tersebut adalah harta-harta hasil aktiviti haram apabila responden telah mengaku salah dan disabitkan atas semua pertuduhan yang dihadapkan.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Seksyen 61 AMLATFA jelas tidak memperuntukkan mengenai prosedur bagaimana tuntutan pihak ketiga yang bona fide harus dikendalikan. Malahan AMLATFA sendiri tidak mengandungi sebarang prosedur mengenai tuntutan di bawah s 61 tersebut. Adalah menjadi prinsip undang-undang mantap bahawa ketiadaan sebarang prosedur khas yang diperuntukkan di bawah sesuatu statut tidak bermakna mahkamah tiada bidang kuasa untuk mengendalikan sesuatu kes melalui prosedur yang ditetapkan olehnya sendiri selain prosedur yang ditetapkan itu jelas bercanggah dengan undang-undang sejagat (lihat perenggan 9 & 12).

(2) Prosiding di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') termasuklah prosiding jenayah atau separa jenayah seperti prosiding dalam kes ini. Prosiding di bawah s 61 AMLATFA ini adalah prosiding bercorak separa jenayah yang timbul daripada satu permohonan oleh pihak ketiga yang menuntut harta-harta tersebut. Permohonan tersebut timbul ekoran daripada prosiding jenayah terhadap responden. Oleh itu, pendengaran permohonan oleh para pelabur di sini merupakan satu prosiding bagi maksud KKM (lihat perenggan 15).

(3) Prosedur yang diguna pakai oleh HMS dalam prosiding di bawah s 61 AMLATFA dalam kes ini adalah teratur, sah, berkuat kuasa serta boleh diterimapakai. Apa yang lebih penting adalah bahawa prosedur yang digunakan oleh HMS tidak menimbulkan sebarang ketidakadilan kepada pihak-pihak yang terlibat. Malahan pihak-pihak bersetuju dan berpuas hati dengan prosedur yang telah dijalankan (lihat perenggan 17).

(4) Pihak ketiga yang menuntut harta yang disita dalam prosiding di bawah s 61 AMLATFA hendaklah membuktikan kesemua perkara di bawah s 61(4) perenggan (a) hingga (e). Beban pembuktian adalah atas bahu pihak ketiga yang membuat tuntutan untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa mereka adalah penuntut pihak ketiga yang suci hati. Untuk membuktikan bahawa mereka adalah penuntut yang suci hati, mereka hendaklah mengemukakan keterangan bagi memenuhi kehendak-kehendak seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan (a) hingga (e) tersebut. Sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa perkara-perkara tersebut terbukti dan telah dipenuhi, harta yang dituntut bolehlah dikembalikan kepada penuntut pihak ketiga yang suci hati tersebut (lihat perenggan 20).

(5) Mahkamah bersetuju dengan dapatan dan keputusan yang telah dibuat oleh HMS. HMS telah membuat keputusan berdasarkan merit kes setelah mendengar keterangan dan menilai serta setelah menilai kredibiliti saksi-saksi. Adalah undang-undang mantap bahawa mahkamah atasan hendaklah tidak secara mudah mengubah dapatan dan keputusan HMS yang dibuat atas merit kecuali jelas terdapat satu kesilapan dibuat oleh hakim bicara tersebut (lihat perenggan 22).

[English summary

In the sessions court, the respondent was charged with 50 counts for the offence under s 4(1)(a) of the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 ('AMLATFA'). A third party notice was *gazetted* under ss 55 and 61 of the AMLATFA to inform any bona fide third party with interest to be present in the court to show cause as to why the properties valued at more than RM8m that were seized, could not be forfeited to the Government of Malaysia. About 700 third parties who were the investors in the Fx Capital Company belonging to the respondent were present in the sessions court to claim the properties which were *gazetted*. The parties had agreed that about eight investors would testify representing the 700 investors. The sessions court judge ('SCJ') decided that the investors were bona fide third party claimants and ordered that all the properties be returned to them. Not satisfied with the SCJ's decision, the prosecution filed this appeal. The prosecution contended that s 61 of the AMLATFA does not provide for a procedure to prove that the claimants were bona fide third party claimants and thus, the court had the discretionary power to determine the procedure by itself. Moreover, s 61 did not provide any obstruction or was wrong in law against any procedure which was admissible by the court in determining the bona fide third parties' claim against the properties *gazetted*. The prosecution had further contended that the SCJ had erred in law and facts in deciding that the third party respondents were bona fide third party claimants in their application and were entitled to recover the monies that they had deposited when there was no evidence adduced to support the decision. The investors were said to have failed to prove all the matters provided under paras (a) to (e) of s 61(4) of the AMLATFA when it was proven that all the monies were obtained from illegal activities when the respondent pleaded guilty and convicted for all the charges preferred.

Held, dismissing the appeal:

(1) Section 61 of the AMLATFA clearly did not provide for the procedure as to how a bona fide third party's claim to be managed. In fact the AMLATFA itself does not contain any procedure on the claim under the s 61. It was an established principle of law that the absence of any special procedure provided for under a statute does not mean that the court has no jurisdiction to manage a case via a procedure made by itself apart from the procedure that already exist was clearly in contravention of the universal law (see paras 9 & 12).

(2) The proceedings under the Rules of Court 2012 ('ROC') includes criminal or semi-criminal proceedings as in this case. The proceedings under s 61 of the AMLATFA is a proceeding in the nature of semi-criminal which arose from an application by a third party claiming for the properties. The application arose as a result of the criminal proceeding against the respondent. Therefore, the hearing of the application by the investors here was a proceeding within the meaning of ROC (see para 15).

(3) The procedure applied by the SCJ in the proceeding under s 61 of the AMLATFA was regular, lawful and effective as well as applicable. What was important was that the procedure applied by the SCJ did not cause any injustice to the parties involved. In fact, the parties agreed and were satisfied with the procedure undertaken (see para 17).

(4) The third party who claimed for the properties seized in the proceeding under s 61 of the AMLATFA must prove all the matters under s 61(4) paras (a) to (e). The burden of proof was on the third party who made the claim to prove on the balance of probabilities that they were bona fide third party claimants. In order to prove that they were bona fide claimants, they must produce evidence to fulfill the requirements provided under paras (a) to (e). If the court was satisfied that the matters were proven and satisfied, the properties claimed could be returned to the bona fide third party claimants (see para 20).

(5) The court agreed with the findings and the decision made by the SCJ. The SCJ decided based on the merit after hearing the evidence and perusing and evaluating the credibility of the witnesses. It is an established law that the superior courts must not readily change the findings and decision of the SCJ which was made on merit unless there was an error by the trial judge (see para 22).]

Kes-kes yang dirujuk

Nagen Kundu v Emperor AIR 1934 Cal 428, MT (dirujuk)

PP v Lau Kwai Thong (MTSA Kes No 44–20 Tahun 2008 — *tidak dilaporkan*) (dirujuk)

PP v Arab Malaysian Finance Bhd [2003] 4 MLJ 304; [2003] 4 CLJ 243, MT (dirujuk)

Rahim Sheikh v Emperor [1923] ILR Cal 872, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ss 58, 206(a)

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ss 4(1)(a), 55, 58, 61, 61(2), (3), (4), (4)(a), (b), (c), (d), (e)

Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 ss 16(1)(a), 83(a)

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 1 k 4

Anselm Charles Fernandis (Hajratul A'in bt Jaafar bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.

Md Yunos Sharif (SI Rajah bersamanya) (Arman-Yunos), Sasila Basri (Sasila Basri & Co), Mohd Saifudin (Yagu bersamanya) (Saif Ariff & Rohaizat), Mazhar (Aziz Mohamad bersamanya) (Mazhar & Co), Mohamad Zaidan (MK Othman & Co), Nooron Aini Zakaria (Azaine & Fakhrul), Noralia (Azli, Halim & Associates) bagi pihak responden-responden.

Kamardin Hashim H:

LATAR BELAKANG

[1] Responden, Raja Noor Asma bt Raja Harun telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur dengan 50 pertuduhan kerana telah melakukan kesalahan di bawah s 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLATFA'). Pada 10 Januari 2011, responden telah mengaku salah terhadap kesemua pertuduhan dan atas sabitan telah dikenakan dengan hukuman dua tahun penjara berjalan serentak bagi setiap pertuduhan dan juga diperintahkan membayar penalti sejumlah RM7,528,250.29, jika gagal enam bulan penjara.

[2] Responden juga telah mengaku salah terhadap empat lagi pertuduhan iaitu di bawah ss 83(a) dan 16(1)(a) Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 serta di bawah ss 58 dan 206(a) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Bagi empat pertuduhan tersebut, responden telah dijatuhkan dengan hukuman lima tahun penjara bagi setiap pertuduhan yang berjalan secara serentak. Empat pertuduhan tersebut berkaitan dengan kesalahan menjadi broker niaga dan menjalankan khidmat pasaran modal tanpa memiliki lesen yang sah.

[3] Berikutan dengan itu, satu notis pihak ketiga bertarikh 17 Februari 2011 telah *diwartakan* di bawah ss 55 dan 61 AMLATFA untuk memberitahu mana-mana pihak ketiga yang suci hati yang berkepentingan untuk hadir ke mahkamah bagi menunjukkan sebab-sebab mengapa harta-harta yang disita dalam kes terhadap responden tidak boleh dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia. Pendengaran notis pihak ketiga tersebut telah ditetapkan pada 1 April 2011. Harta-harta yang *diwartakan* adalah merupakan wang tunai bernilai melebihi RM8 juta.

[4] Pada 1 April 2011, seramai 700 orang pihak ketiga yang merupakan para pelabur dalam syarikat Fx Capital milik responden telah hadir ke mahkamah sesyen untuk menuntut harta-harta yang telah *diwartakan*. Sebahagian daripada para pelabur tersebut diwakili oleh peguambela manakala sebahagian

lagi tidak diwakili oleh peguam. Memandangkan fakta-fakta di dalam kes ini adalah lebih kurang sama iaitu bahawa para pelabur tiada pengetahuan tentang lesen pelaburan yang perlu dimiliki oleh Fx Capital, pihak-pihak telah bersetuju bahawa seramai lapan orang pelabur akan memberikan keterangan mewakili seramai 700 orang pelabur yang membuat tuntutan terhadap harta-harta tersebut. Puan hakim mahkamah sesyen ('Puan HMS') telah memberikan persetujuan bahawa lapan saksi akan memberi keterangan kes bagi kesemua pihak ketiga dalam tuntutan mereka.

[5] Pada 13 April 2012, setelah mendengar keterangan daripada lapan saksi yang mewakili kesemua para pelabur, Puan HMS telah membuat keputusan bahawa para pelabur merupakan penuntut pihak ketiga yang suci hati dan telah memerintahkan kesemua harta-harta seperti yang diwartakan supaya dipulangkan kepada kesemua para pelabur.

[6] Pihak perayu di dalam prosiding di hadapan Puan HMS tidak mengemukakan sebarang keterangan bagi mematahkan keterangan (*rebuttal evidence*) yang telah diberikan oleh lapan saksi pihak yang menuntut.

[7] Tidak berpuas hati dengan keputusan oleh Puan HMS tersebut, perayu merayu ke mahkamah ini.

ISU-ISU

[8] Pihak-pihak bersetuju bahawa rayuan perayu dapat dilupuskan atas dua isu berikut:

(a) prosedur bagaimana prosiding di bawah s 61 AMLATFA wajar dijalankan; dan

(b) sama ada para pelabur merupakan penuntut pihak ketiga yang suci hati di dalam prosiding di hadapan Puan HMS.

Isu (a) mengenai prosedur

[9] TPR Tuan Anselm Fernandis berhujah dan semua peguambela terpelajar yang mewakili para pelabur yang menjadi pihak responden pihak ketiga dalam rayuan ini berhujah bahawa s 61 AMLATFA tidak memperuntukkan bagaimana sesuatu prosedur untuk membuktikan pihak menuntut merupakan pihak ketiga yang suci hati. Oleh yang demikian dihujahkan bahawa mahkamah yang membicarakan tuntutan pihak yang menuntut mempunyai kuasa budi bicara untuk menentukan prosedurnya sendiri asalkan prosedur yang digunakan tidak mendatangkan sebarang ketidakadilan kepada

mana-mana pihak dalam prosiding. Selain itu dihujahkan s 61 Akta yang sama tidak memperuntukkan sebarang halangan atau bersalahan di sisi undang-undang terhadap mana-mana prosedur yang boleh diterima pakai oleh mahkamah dalam memutuskan tuntutan oleh pihak ketiga yang suci hati terhadap harta-harta yang telah diwartakan tersebut.

[10] Peguambela-peguambela dan Tuan TPR berhujah bahawa dalam prosiding di mahkamah sesyen, pihak-pihak telah bersetuju bahawa lapan saksi dipanggil untuk memberikan keterangan bagi mewakili kesemua pelabur yang menuntut terhadap harta-harta tersebut. Puan HMS telah juga memberikan persetujuan terhadap persefahaman yang dicapai oleh pihak-pihak tersebut. Berdasarkan persefahaman dan persetujuan tersebut tentang cara mana prosedur di bawah s 61 AMLATFA tersebut hendak dijalankan, seramai lapan saksi pihak ketiga yang menuntut harta-harta tersebut telah memberikan keterangan. Puan HMS kemudiannya telah membuat dapatan dan keputusan berdasarkan kepada keterangan lapan orang saksi tersebut serta hujahan pihak-pihak.

[11] Untuk kesenangan rujukan, diperturunkan di bawah ini peruntukan s 61 AMLATFA yang berbunyi seperti berikut:

61. Bona fide third parties

(1) The provisions in this Part shall apply without prejudice to the rights of bona fide third parties.

(2) The court making the order of forfeiture under section 55 or the judge to whom an application is made under subsection 56(1) shall cause to be published a notice in the Gazette calling upon any third party who claims to have any interest in the property to attend before the court on the date specified in the notice to show cause as to why the property shall not be forfeited.

(3) A third party's lack of good faith may be inferred, by the court or an enforcement agency, from the objective circumstances of the case.

(4) The court or enforcement agency shall return the property to the claimant when it is satisfied that -

(a) The claimant has a legitimate legal interest in the property;

(b) No participation, collusion or involvement with respect to the offence under subsection 4(1) which is the object of the proceedings can be imputed to the claimant;

(c) The claimant lacked knowledge and was not intentionally ignorant of the illegal use of the property, or if he had knowledge, did not freely consent to its illegal use;

(d) The claimant did not acquire any right in the property from a person proceeded against under circumstances that give rise to a reasonable

inference that any right was transferred for the purpose of avoiding the eventual subsequent forfeiture of the property; and

(e) The claimant did all that could reasonably be expected to prevent the illegal use of the property.

[12] Secara sepintas lalu membaca peruntukan s 61 AMLATFA, mahkamah ini bersetuju bahawa jelas ianya tidak memperuntukkan tentang prosedur bagaimana tuntutan pihak ketiga yang bona fide harus dikendalikan. Malahan AMLATFA sendiri tidak mengandungi sebarang prosedur mengenai tuntutan di bawah s 61 AMLATFA tersebut. Adalah menjadi prinsip undang-undang mantap bahawa ketiadaan sebarang prosedur khas yang diperuntukkan di bawah sesuatu statut tidak bermakna mahkamah tiada bidang kuasa untuk mengendalikan sesuatu kes melalui prosedur yang ditetapkan olehnya sendiri selain prosedur yang ditetapkan itu jelas bercanggah dengan undang-undang sejagat, demi untuk mencapai keadilan dalam sesuatu prosiding jenayah.

[13] Buckland J dalam kes *Rahim Sheikh v Emperor* [1923] ILR Cal 872 telah memberikan pandangan berikut:

> … the power being one that is not covered by any section of the Code of Criminal Procedure, I think it suffices to say that the matter is one for the judge's discretion.

[14] Dalam kes *Nagen Kundu v Emperor* AIR 1934 Cal 428, Guha and Nasim Ali JJ telah menyuarakan pandangan yang serupa, seperti berikut:

> It is to be noticed that, so far as it deals with any point specifically, the Code of Criminal Procedure must be deemed to be exhaustive, and the law must be ascertained by reference to its provision, but where a case arises, which demands interference, and it is not within those for which the Code specifically provides, it would not be reasonable to say that the court had not the power to make such order as the ends of justice require.

[15] Apa yang diperuntukkan oleh s 61(2) AMLATFA selepas warta dikeluarkan mengenai harta-harta tersebut adalah bahawa mana-mana pihak ketiga yang bona fide mempunyai kepentingan atau hak terhadap harta-harta tersebut bolehlah hadir (*attend*) ke mahkamah yang berkenaan pada tarikh yang ditetapkan untuk menunjuk sebab mengapa harta-harta tersebut tidak boleh dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia. Aturan 1 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 memberi definasi 'hadir' sebagai 'termasuklah kehadiran oleh mana-mana orang dengan menggunakan elektronik, mekanikal, atau cara lain yang dibenarkan oleh Mahkamah'. Selain itu kaedah yang sama telah memberi definasi prosiding sebagai sesuatu prosiding sama ada di mahkamah terbuka atau dalam kamar dan termasuklah apa-apa permohonan pada mana-mana peringkat prosiding yang telah dimulakan. Pada pandangan mahkamah ini,

prosiding di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 termasuklah prosiding jenayah atau separa jenayah (*quasi-criminal*) seperti prosiding di hadapan hakim bicara dalam kes ini. Prosiding di hadapan Puan HMS di bawah s 61 AMLATFA adalah prosiding bercorak separa jenayah yang tertimbul daripada satu permohonan oleh pihak ketiga yang menuntut harta-harta yang diwartakan tersebut. Permohonan tersebut timbul ekoran daripada prosiding jenayah terhadap responden, Raja Noor Asma bt Raja Harun. Oleh itu pendengaran permohonan oleh para pelabur di sini merupakan satu prosiding bagi maksud Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (lihat *Public Prosecutor v Arab Malaysian Finance Bhd* [2003] 4 MLJ 304; [2003] 4 CLJ 243).

[16] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, Puan HMS telah bersetuju dan menerima pakai prosedur bahawa lapan orang saksi dipanggil untuk memberikan keterangan bagi mewakili keseluruhan para pelabur yang membuat tuntutan terhadap harta-harta tersebut. Prosedur tersebut telah dipersetujui oleh semua pihak dan prosedur yang diterima pakai tersebut tidak mendatangkan sebarang ketidakadilan kepada mana-mana pihak dalam prosiding tersebut. Prosedur tersebut yang digunakan oleh Puan HMS adalah sah dan betul serta mengikat pihak-pihak dalam kes ini berdasarkan persetujuan semua pihak yang terlibat. Berdasarkan definasi 'hadir' di bawah kaedah, kesemua 700 pelabur yang membuat tuntutan dianggap telah hadir ke mahkamah di hadapan Puan HMS untuk meneruskan tuntutan mereka melalui lapan wakil pelabur yang telah memberi keterangan. Puan HMS dan mahkamah telah membenarkan perkara tersebut dilakukan dan keputusan tersebut selaras dengan definasi 'hadir' yang meliputi hadir melalui 'cara lain yang dibenarkan oleh Mahkamah'. Tuntutan melalui wakil (*representative action*) yang kebiasaannya terpakai dalam prosiding kes-kes sivil telah digunakan oleh Puan HMS atas persetujuan pihak-pihak memandangkan beban pembuktian di bawah s 61 AMLATFA adalah seperti beban pembuktian di dalam kes-kes sivil iaitu atas imbangan kebarangkalian.

[17] Atas alasan-alasan tersebut, saya memutuskan bahawa prosedur yang diguna pakai oleh Puan HMS dalam prosiding bagi tuntutan para pelabur bagi prosiding di bawah s 61 AMLATFA dalam kes ini adalah teratur, sah, berkuat kuasa serta boleh diterima pakai. Apa yang lebih penting adalah bahawa prosedur yang digunakan oleh Puan HMS tidak menimbulkan sebarang ketidakadilan kepada mana-mana pihak yang terlibat. Malahan pihak-pihak bersetuju dan berpuashati dengan prosedur yang telah dijalankan dalam prosiding di hadapan Puan HMS.

Isu (b) Mengenai isu pihak ketiga yang suci hati

[18] Tuan TPR yang bijaksana berhujah bahawa Puan HMS telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan responden-responden

pihak ketiga adalah penuntut pihak ketiga yang suci hati dalam permohonan mereka dan berhak untuk mendapatkan semula wang-wang yang telah mereka depositkan sedangkan tiada keterangan dikemukakan untuk menyokong keputusan tersebut. Dihujahkan bahawa para pelabur telah gagal untuk membuktikan semua perkara yang diperuntukkan di bawah perenggan (a)–(e) kepada s 61(4) AMLATFA sedangkan pihak perayu telah membuktikan semua wang tersebut adalah harta-harta tersebut adalah hasil aktiviti haram apabila Raja Noor Asma telah mengaku salah dan disabitkan atas semua pertuduhan yang dihadapkan.

[19] Tuan TPR juga berhujah bahawa Puan HMS telah membuat dapatan yang bercanggah seperti di perenggan 5–6 alasan penghakiman Puan HMS tersebut. Di perenggan 6, Puan HMS menyatakan 'Having decided as I have, to wit, that the applicants have met albeit barely the requirements of s 61, it behoves this court to say that this court does not suffer fools. Persons who are motivated by greed, avarice and promise of disproportionate returns have only themselves to blame if these investment go awry. So long as there are fools, there will be knaves and trickster like Raja Noor. It is not the function of the government to recover their hare-brained investments. They have put the government through the trouble and expense of bringing the culprit to book and it does stand to reason and public interest to forfeit the monies as a deterrent'. Bagaimanapun di perenggan 5, Puan HMS menyatakan 'On the evidence, it appears to me that the claimants were gullible and naive persons who were at the material time not aware of facts that made it glaringly obvious that something was amiss', dan berdasarkan fakta tersebut telah memerintahkan kesemua wang yang disita dipulangkan kepada para penuntut.

[20] Abang Iskandar PK (ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Lau Kwai Thong* (MTSA Kes No 44–20 Tahun 2008 — *unreported*) telah memberikan pandangan bahawa pihak ketiga yang menuntut harta yang disita dalam prosiding di bawah s 61 AMLATFA hendaklah membuktikan kesemua perkara di bawah s 61(4) perenggan (a)–(e). Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan tersebut dan ingin menambah bahawa baban pembuktian adalah atas bahu pihak ketiga yang membuat tuntutan untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa mereka adalah penuntut pihak ketiga yang suci hati. Untuk membuktikan bahawa mereka adalah penuntut yang suci hati maka mereka hendaklah mengemukakan keterangan bagi memenuhi kehendak-kehendak seperti diperuntukkan di bawah perenggan (a)–(e) tersebut. Sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa perkara-perkara tersebut terbukti dan telah dipenuhi, harta yang dituntut bolehlah dikembalikan kepada penuntut pihak ketiga yang suci hati tersebut.

[21] Fakta dalam kes *Lau Kwai Thong* yang menjadi pegangan Tuan TPR bagaimanapun adalah berbeza dengan fakta dalam kes di hadapan mahkamah

sekarang. Berdasarkan kepada fakta dalam kes tersebut, YA pesuruhjaya kehakiman tersebut telah membuat dapatan secara spesifik seperti berikut:

> I had considered all the evidence before me in relation to the claim made by this third party and it is my finding that her claim could not succeed under the regime as provided for under s 61(4) of the AMLA 2001, as the totality of her evidence taken as a whole, has not, on the balance of probabilities, established that she was the bona fide owner of that RM10,000 that was seized in the account which was clearly operated under the name of the respondent. She could not even recall when she handed over the money to him. No documentary evidence of any simple handing over of the same between them was adduced. I found as a matter of fact that what she had done was a mere bare assertion which could not be substantiated by any documents, apart from her oral averment in this court and the averments in her affidavits to that effect. The evidence as led by this third party cannot in my view, dislodge on the balance of probabilities, the case established by the public prosecutor as contained in the affidavits of the said investigating officer, ASP Nik Rosnah.

[22] Manakala dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, selain fakta kes yang berbeza, Puan HMS telah mendapati bahawa berdasarkan kepada keterangan-keterangan lisan dan dokumentari yang dikemukakan oleh lapan saksi yang mewakili pihak ketiga dan dengan tanpa keterangan *rebuttal* daripada pihak perayu, telah berjaya melepaskan beban pembuktian atas imbangan kebarangkalian kesemua perkara yang terdapat di bawah s 61(4) AMLATFA. Puan HMS telah berpuashati bahawa pihak ketiga telah berjaya membuktikan bahawa mereka adalah merupakan penuntut pihak ketiga yang suci hati dan berhak untuk mendapatkan harta-harta yang disita. Ini termasuklah tindakan Puan HMS setelah mengambil kira semua hal keadaan dalam kes ini secara objektif sebelum memutuskan pihak ketiga adalah penuntut pihak ketiga yang suci hati (bona fide) seperti dikehendakki oleh s 61(3) AMLATFA. Mahkamah ini, setelah meneliti rekod rayuan bersetuju dengan dapatan dan keputusan yang telah dibuat oleh Puan HMS tersebut. Puan HMS telah membuat keputusan berdasarkan kepada merit kes setelah mendengar keterangan saksi-saksi serta setelah menilai kredibiliti saksi-saksi. Adalah undang-undang mantap bahawa mahkamah atasan hendaklah tidak secara mudah mengubah dapatan dan keputusan hakim bicara yang dibuat atas merit kecuali jelas terdapat satu kesilapan dibuat oleh hakim bicara tersebut.

[23] Mengenai hujahan TPR bahawa Puan HMS telah membuat dapatan yang bercanggah antara perenggan 5–6 dalam alasan penghakiman, mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan tersebut. Setelah membaca dan meneliti alasan penghakiman Puan HMS di perenggan 5, ianya adalah merupakan dapatan dan keputusan Puan HMS dalam prosiding tersebut. Manakala perenggan 6 adalah hanya merupakan pandangan dan peringatan yang diberikan oleh Puan HMS tersebut. Perenggan 6 bukanlah merupakan

ratio decidendi oleh Puan HMS yang bijaksana tersebut. Oleh itu tidak wujud percanggahan seperti dakwaan Tuan TPR.

KONKLUSI

[24] Setelah meneliti rekod rayuan dan setelah membaca dan mendengar hujahan semua pihak, atas alasan-alasan yang dihuraikan di atas, mahkamah ini mendapati tiada merit dalam rayuan perayu. Oleh itu rayuan perayu ditolak dan keputusan Puan HMS adalah dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor